



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PENJAWAT AWAM DARIPADA GOLONGAN (OKU) TURUT MENDAPAT PENGIKTIRAFAN APC

PUTRAJAYA, 27 Mac 2018 - YB Dato' Dr. Loga Bala Mohan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) kepada **903** warga Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi yang berprestasi tinggi bagi tahun 2017. APC ini turut memberikan pengiktirafan kepada 8 penerima Orang Kurang Upaya (OKU) yang berkhidmat di bahagian pentadbiran dan pembantu penguatkuasa di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Labuan.

Walaupun dengan kekurangan yang dialami tidak membataskan semangat 7 orang OKU fizikal dan seorang OKU pendengaran ini untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Daripada keseluruhan penerima APC, seramai 26 orang adalah daripada Kementerian Wilayah Persekutuan, 758 orang daripada DBKL, 68 penerima daripada Perbadanan Putrajaya, 46 orang daripada Perbadanan Labuan, 2 orang daripada Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu dan 3 orang daripada Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, 822 adalah daripada kumpulan pelaksana manakala 81 orang adalah daripada kumpulan pengurusan dan professional.

APC ini dianugerahkan kepada warga KWP dan Agensi dalam menghargai dan mengiktiraf kecemerlangan dan komitmen mereka dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Ini secara tidak langsung dapat memupuk budaya persaingan yang sihat dalam meningkatkan productiviti mereka sebagai penjawat awam sejajar dengan sasaran negara ke arah TN50.

Kesemua pendekatan motivasi ini seterusnya menghasilkan mutu kerja yang lebih berkualiti dalam perkhidmatan awam dan sekali gus meletakkan Malaysia di tangga teratas dunia merangkumi aspek ekonomi, kesejahteraan rakyat serta inovasi khususnya di Wilayah Persekutuan.

Disediakan Oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
27 Mac 2018